

23/05/1998

Nik Aziz jumpa PM tamat khidmat KWSB

JELI, Jumaat - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur baru-baru ini bagi mendapat nasihat berhubung langkah kerajaan negeri untuk menamatkan khidmat syarikat pemegang konsesi penswastaaan air, Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB).

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Annuar Musa berkata, beliau dan ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed sudah dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai pertemuan itu beberapa hari lalu.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan hasil pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan.

"Apa yang jelas dalam soal ini Nik Aziz ada membuat perjumpaan dengan Perdana Menteri untuk mencari jalan bagi membatalkan penswastaaan air di Kelantan.

"Peliknya untuk membatalkan perjanjian ini nasihat Perdana Menteri diperlukan, sedangkan ketika perjanjian penswastaaan hendak dikuatkuasakan dahulu teguran kita tidak dipedulikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat, di Kampung Kubur Datu, dekat sini hari ini.

Dua minggu lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemudahan Awam, Alam Sekitar dan Kesihatan (Exco), Hassan Abdullah dilaporkan berkata, kerajaan negeri sudah membentuk sebuah jawatankuasa bagi mengkaji sama ada mahu melanjut atau menamatkan kontrak KWSB sebagai pemegang konsesi penswastaaan air, di negeri ini.

Kerajaan negeri bertindak sedemikian kerana mendakwa KWSB gagal mengatasi krisis bekalan air yang semakin meruncing sejak perjanjian penswastaaan berkuatkuasa pada 1995 lalu.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, beliau menjangka masalah lebih besar akan berlaku jika kerajaan negeri bertindak menamatkan KWSB sebagai pemegang konsesi penswastaaan air itu.

"Ini kerana KWSB sudah pasti mengambil tindak balas terhadap kerajaan negeri berhubung caj perkhidmatan yang masih tertunggak kira-kira RM70 juta," katanya.

(END)